

ISLAM DAN PRAGMATISME WILLIAM JAMES (1842-1910)

Kamal Azmi Abd Rahman¹, Indriaty Ismail²

Mohd. Nasir Omar³

kamalazmi@kuis.edu.my¹, indriaty@ukm.my²,

abunasir@ukm.my³

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)¹,

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)^{2,3}

ABSTRAK

Pragmatisme terhasil daripada revolusi pemikiran falsafah moden Barat yang bermula dengan semangat rasional-empirikal kepada pemikiran praktikal dan bebas metafizik. Walaupun menjamin perkembangan ilmu dan teknologi, pragmatisme dibelenggu oleh pemikiran humanisme-egoisme dan kecelaruan pemikiran relativisme. Bagi menjelaskan pragmatisme, makalah memilih penulisan William James (1842-1910) sebagai rujukan utama kerana beliau merupakan tokoh penting yang telah mempopulkarkannya. Antara penulisan beliau yang menjadi rujukan adalah *Essays in Philosophy, The Will to Believe and Other Essays in Popular Philosophy, Varieties of Religious Experience* dan *Talk to Teachers on Psychology and to Students on Some of Life's Ideals*. Idea-idea pragmatisme James telah dikembangkan dalam bentuk pemikiran yang praktikal-instrumental, mentafsirkan agama secara saintifik melalui pengalaman, menganjurkan etika melioristik serta berpegang kepada kebenaran yang bersifat pluralistik dan relatif. Makalah mengkritik pendekatan pragmatisme tersebut dalam segenap aspek kehidupan manusia terutamanya dalam urusan agama yang seharusnya dibahaskan pada hal-hal yang berkaitan dengan amali pada ruang yang sewajarnya dan melepaskan sebahagian yang lain untuk difahami melalui nas dan keimanan seperti yang dianjurkan oleh Islam. Selain itu, makalah juga akan mencadangkan pendirian

¹Kamal Azmi Abd. Rahman, Calon Ijazah Kedoktoran, Jabatan Usuluddin & Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Pensyarah di Jabatan Usuluddin, Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. (kamalazmi@kuis.edu.my)

²Indriaty Ismail, Dr. Pensyarah di Jabatan Usuluddin & Faslafah, Universiti Kebangsaan Malaysia. (indriaty@ukm.my)

³Mohd. Nasir Omar, Prof. Dr. Pensyarah di Jabatan Usuluddin & Faslafah, Universiti Kebangsaan Malaysia. (abunasir@ukm.my)

dan sikap yang perlu diambil oleh umat Islam dalam mendepani pragmatisme Barat berdasarkan pandangan alam (*worldview*) Islam.

Kata Kunci: Islam, pragmatisme, praktikal, James, instrumental, relativisme.

1.0 PENGENALAN

Islam adalah sebuah agama yang komprehensif. Ia bukan untuk diimani di dalam hati dan diamalkan secara ritual semata-mata, akan tetapi tertegaknya Islam adalah untuk dihayati dalam segenap dimensi kehidupan manusia. Oleh yang demikian, pengabaian mana-mana aspek adalah bertentangan dengan prinsip dasar Islam. Keyakinan terhadap Islam untuk membangunkan keupayaan spiritual dan aspek material-fizikal manusia telah membentuk sebuah kebudayaan dalam sejarah peradaban dan tamadun Islam. Walaubagaimana pun, era kegemilangan tersebut telah diganti dengan sebuah peradaban lain yang rakus memonopoli aspek material kehidupan manusia. Ia membentuk sebuah paradigma berbeza dalam sejarah manusia kerana bertunjangkan kepada roh modernisme - semangat pemikiran zaman moden di Barat. Zaman moden ini menurut Russell (1993) dicirikan oleh dua elemen utama iaitu kekurangan kuasa gereja atau peningkatan kuasa sains dan kebudayaan yang berbentuk biasa atau tidak bercirikan agama. Oleh itu, peradaban moden dicirikan dengan gaya hidup sekular yang mana menurut Beg, M. A. J. (1983) merupakan punca utama krisis moral dan spiritual manusia moden.

Globalisasi menjadikan modernisme terus berkembang dan mempengaruhi seluruh kehidupan manusia termasuk kehidupan Islam dan muslim. Pengaruh ini menyebabkan sebilangan intelektual muslim membawa agenda pentafsiran semula agama supaya bersesuaian dengan pergerakan modernisme. Menurut mereka, kehidupan moden yang bersandarkan kepada rasionalisme dan empirisme-pragmatisme dilihat tidak sealiran dengan lunas-lunas agama yang difahami secara tradisi yang menonjolkan sikap tidak bertoleransi dan penuh pemaksaan (Luthfi Assyaukani, 2011). Persoalan-persoalan yang dihadapi oleh muslim semasa tidak lagi sama dengan persoalan muslim silam. Oleh itu, Islam memerlukan solusi yang lebih pragmatik dan *conservatism* dilihat bercanggah dengan roh universal dan dinamika agama. Kaedah dan bentuk pemahaman agama yang pragmatik ialah pemahaman agama secara kontekstual sebagaimana muslim silam menjawab setiap persoalan yang timbul berdasarkan kepada perspektif zaman yang tersendiri. Bagi mereka, menyelesaikan persoalan-persoalan semasa dengan solusi zaman silam menjadikan umat Islam terasing daripada kehidupan moden serta gagal membuktikan mesej sejagat yang dibawa oleh Nabi SAW. Muslim seharusnya bersikap kritis dalam melihat dan membaca warisan keagamaan mereka kerana apa yang terkandung di dalam warisan-warisan keagamaan tersebut dibentuk dalam kondisi sosial-budaya yang tertentu (Luthfi Assyaukani, 2011).

Pragmatisme telah menjadi alat kepada modenisme dalam memahami dan mentafsir nilai. Ia telah mendorong manusia untuk berfikir secara liberal, bebas dan skeptikal terhadap segala nilai yang ada. Sikap skeptikal yang lahir daripada pragmatisme tersebut telah menyuntik semangat berlumba-lumba untuk membuktikan suatu idea melalui penyelidikan dan eksperimen sehingga lahir penemuan-penemuan baru yang memberikan manfaat dalam kehidupan manusia. Walaupun begitu, pentafsiran agama dengan semangat pragmatik dan kritikal terhadap warisannya akan menyuburkan benih pemikiran Islam liberal dan menimbulkan kekeliruan dalam kehidupan beragama umat Islam. Oleh itu, makalah ini akan membahaskan tentang pragmatisme berdasarkan kepada penulisan tokohnya yang signifikan iaitu William James (1842-1910) dan mengkritik pendekatan pragmatisme yang cenderung meniru dan menerima secara *prior* ilmu empirikal moden barat. Makalah juga akan menjelaskan perspektif Islam terhadap pragmatisme, konsep sains dan empirikal berdasarkan kepada pandangan alam atau *worldview* Islam.

2.0 PRAGMATISME MEREVOLUSI PEMIKIRAN BARAT

Pembentukan awal falsafah moden telah berlaku di Eropah. Pada separuh abad yang pertama, dua aliran yang dominan adalah *Continental Rationalism* yang muncul di Perancis, German dan Belanda serta aliran *British Empiricism* yang muncul di Britain. Selepas kemunculan kedua-dua pemikiran tersebut, tiga aliran utama falsafah barat yang terdahulu adalah Marxisme, Existensialisme dan Pragmatisme yang muncul untuk memperbaharui pemikiran falsafah barat. Aliran-aliran pemikiran ini memfokuskan perbincangan falsafah dalam bentuk praktikal iaitu tidak terpisah di antara teori dan praktis. Ini kerana selepas berusaha membebaskan pemikiran daripada autortiti keagamaan, falsafah barat (terutamanya rasionalisme dan empirisme) masih terbelenggu oleh pandangan teoritikal dan abstrak. Pada separuh abad yang kedua ini tidak hanya menonjolkan pemikiran falsafah barat yang berpusat di Eropah, sebaliknya juga telah memperlihatkan sumbangan Amerika Syarikat dalam pembentukan tradisi pemikiran moden di barat. Amerika Syarikat menjadi tempat lahirnya pragmatisme melalui tokoh pemikirnya yang terkenal iaitu Charles Sanders Peirce (1839-1914), William James (1842-1910) dan John Dewey (1859-1952). Kelahiran pragmatisme pada lewat abad ke-19 ini menjelaskan tentang sebuah gerakan pemikiran baru yang memberikan perhatian kepada permasalahan kehidupan realiti manusia. Oleh yang demikian, pragmatisme juga difahami sebagai sebuah pemikiran yang banyak memberikan perhatian

terhadap nilai guna atau manfaat bagi sesuatu idea melebihi daripada perbincangan teori yang bersifat abstrak.

Dari segi bahasa, *pragmatism* atau pragmatisme berasal daripada perkataan Yunani iaitu ‘*pragma*’ yang bermaksud benda, perkara, fakta atau kejadian (James, 1956). Manakala dari aspek teknikal, seperti yang dijelaskan oleh *A Dictionary of Philosophical Terms and Names* (2011), pragmatisme adalah teori yang menjelaskan maksud dan kebenaran melalui aplikasi idea atau sesuatu kepercayaan tersebut kepada tindakan yang mempunyai kesan praktikal. Oleh itu, pragmatisme adalah metode untuk menentukan idea dan nilai kebenaran sesuatu tindakan dengan mengambil kira atau menimbaangkan kesan-kesan praktikal yang akan berlaku hasil daripada kebenaran tersebut. Pragmatisme telah terbentuk dalam kehidupan dan pengalaman orang-orang Amerika yang pada peringkat awalnya ia bukanlah suatu gerakan akademik mahupun falsafah namun begitu, telah berkembang menjadi metode penyelidikan eksperimental yang digunakan dalam semua bidang pengalaman manusia dan kajian saintifik.

Pragmatisme mula terbentuk pada tahun 1860 melalui perbincangan sekumpulan pemikir yang mempunyai latar belakang keilmuan yang pelbagai seperti sains, matematik, falsafah dan psikologi. Kumpulan pemikir yang tidak rasmi ini dinamakan ‘Kelab Metafizik’ atau ‘*The Metaphysical Club*’ di Cambridge, Massachusetts yang juga dianggap sebagai tempat kelahiran pragmatisme. Antara mereka yang menganggotai kumpulan ini ialah Peirce, James, Oliver W. Holmes (1809 – 1894), Frank Abott (1860 – 1924) dan Chauncey Wright (1830 – 1875). Bagi mereka, persoalan falsafah perlu menggunakan pendekatan yang saintifik. Oleh kerana itu, pragmatisme adalah aliran falsafah yang mementingkan aplikasi teori dalam realiti dan bukan pemikiran dalam bentuk spekulasi metafizik yang sia-sia. Pragmatisme telah dipelopori oleh Peirce dan kemudiannya dikembangkan dan terus dipopularkan oleh James. Terminologi pragmatisme juga pada peringkat awal digunakan oleh Peirce dalam siri-siri pembentangan kertas kerjanya yang diterbitkan di sekitar tahun 1870-an. James mengakui bahawa falsafah pragmatisme diasaskan oleh Peirce dan turut mendedikasikan tulisan *The Will to Believe* kepadanya. Peirce banyak membincangkan hal-hal yang berkaitan dengan logik dan sains, James pula banyak menyentuh bidang psikologi dan agama manakala Dewey membahaskan bidang etika dan pemikiran sosial (*social thought*). Walaupun terdapat perbezaan dalam bidang perbahasan cabang ilmu, ketiga-tiga mereka konsisten dalam dasar pemikiran iaitu menolak intelektualisme dan absolutisme. Mereka hanya berpegang kepada

sesuatu yang dianggap benar apabila menghasilkan kegunaannya melalui percubaan dan eksperimen.

Pragmatisme mula mendapat perhatian dan menjadi popular setelah idea ini dikembangkan oleh James. Beliau kerap kali menggunakan istilah *radical empiricism* bagi merujuk kepada pemikiran pragmatisme. James (1956), menyatakan bahawa pragmatisme yang merupakan nama baru bagi sejumlah cara berfikir lama dimana beliau sendiri beranggapan pemikirannya sebagai lanjutan daripada empirisisme Inggeris. Oleh kerana pengusaannya dalam bidang psikologi, beliau turut diberikan gelaran sebagai ‘Bapa Pendidikan Psikologi Moden’. Kuliah James yang bertajuk *Philosophical Concepts and Practical Result* di Universiti California pada tahun 1898 juga telah membantu mengembangkan pemikiran falsafah pragmatisme. Russell (1947), menyatakan bahawa James adalah seorang tokoh falsafah yang penting kerana dua sebab; pertama ialah kerana beliau telah membawa idea *radical empiricism* dan yang kedua ialah beliau merupakan pengasas kepada teori yang dipanggil pragmatisme dan instrumentalisme dan merupakan antara ahli falsafah awal di Amerika Syarikat. Oleh itu, dalam membahaskan idea-idea pragmatisme, penulisan makalah ini akan merujuk kepada tulisan James. Walaupun Peirce adalah tokoh pertama yang membahaskan tentang idea ini, nama beliau tidak diketengahkan kerana pengaruhnya kurang signifikan jika dibandingkan James yang telah mengembangkan dan mempopularkan falsafah ini.

3.0 WILIAM JAMES DAN PRAGMATISME

Bagi James (1956), idea dan pemikirannya adalah lanjutan daripada idea empirisisme Inggeris dalam bentuknya yang lebih radikal. Pemikiran falsafah James boleh dibahagikan kepada dua bentuk yang utama iaitu saintifik dan keagamaan. Kedua-dua elemen ini telah membuktikan keunikan James berbanding tokoh-tokoh pemikir pragmatisme yang lain. Dalam keadaan masyarakat barat yang begitu kritikal kepada agama dan pemujaan kepada sains, James melihat kepentingan agama tanpa menafikan peranan sains. Ini boleh dilihat melalui karya-karya utama beliau seperti *Principles of Psychology*, *The Will to Believe*, *The Varieties of Religious Experience* dan *Pragmatism*. Russell (1839), menyatakan bahawa perhatian James terhadap hal agama dan moral telah membuktikan perbezaan pendirian beliau dengan tokoh selepasnya, Dewey yang hanya menekankan aspek sains. Pandangan James juga adalah di pertengahan di antara dua pemikir pragmatik terkenal iaitu Peirce dan Dewey.

Prinsip pragmatisme pertama kali diperkenalkan oleh Peirce yang berpendapat bahawa jika ingin mencapai kejelasan dalam pemikiran mengenai sesuatu objek, seseorang hanya perlu mengambil kira kesan-kesan praktikal yang dapat dipercayai mungkin melibatkan objek tersebut. Idea ini terus dikembangkan oleh James dengan menitikberatkan bahawa kebenaran adalah apa yang membuktikan dirinya sebagai yang benar dengan memperhatikan kegunaanya secara praktikal. Falsafah adalah untuk mencari apa bezanya kepada kehidupan manusia sekiranya sesuatu idea itu benar. Dengan cara ini, teori menjadi alat dan bukan jawapan kepada sesuatu yang sukar difahami (Russell, 1993). Menurut pandangan James dan pemikir pragmatis yang lain, kebenaran seharusnya mempunyai kaitan langsung dengan sosial dan masyarakat. Selagi mana sesuatu idea mempunyai akibat yang boleh diterima dalam sesuatu pengalaman sesetengah manusia, disesuatu tempat, idea tersebut mempunyai nilai kebenaran. Idea-idea menjadi benar jika ia menolong kita untuk mencapai hubungan yang memuaskan dengan bahagian-bahagian lain dalam pengalaman dan menguntungkan kehidupan seseorang (Russell, 1993). Oleh yang demikian, tanggungjawab untuk mencari kebenaran adalah sebahagian daripada tanggungjawab umum untuk melakukan apa yang menguntungkan.

Kerangka epistemologi pragmatik dibina pada asas bahawa idea dan kebenaran bukan sesuatu yang abstrak akan tetapi ianya terletak pada perbezaan kemanfaatannya dalam kehidupan manusia. Oleh itu, pragmatisme memberikan penekanan terhadap *workability* dan *functionality* bagi sesuatu teori dan sangat kritis terhadap realisme. Dengan menggunakan prinsip ini, James menilai tentang kepercayaan agama, metafizik, kebebasan manusia, nilai moral dan falsafah sosial. Bagi beliau, berdasarkan kepada semangat saintifik yang praktikal, kebenaran adalah sesuatu yang boleh digunakan. Ujian tentang kebenaran sesuatu kepercayaan tidak disebabkan oleh kepatuhan kepada sesuatu fakta kerana perkara ini tidak mungkin dicapai sebaliknya, ujian tentang kejayaan sesuatu idea adalah melalui persoalan realiti praktikal. Nilai tunai atau *cash value* bagi sesuatu idea adalah sangat penting. Dalam kepelbagaiannya pemikiran dan falsafah, James menentukan bahawa sesuatu idea yang diterima adalah idea yang paling banyak memberikan nilai tunai dan jika sebaliknya, perdebatan tentang sesuatu idea itu adalah sia-sia dan merugikan.

Pragmatisme adalah instrumentalisme. Bagi James, teori hanya bersifat instrumental dan ianya tidak menjawab persoalan. Sesuatu idea menjadi benar bagi James ialah apabila idea tersebut mempunyai perkaitan yang jelas dengan pengalaman hidup manusia. Falsafah moral

James turut menekankan aspek manfaat. Idea yang menghasilkan sesuatu yang memuaskan adalah idea yang benar. Idea yang benar juga adalah idea yang dapat memberikan keuntungan kepada manusia dan dipercayai akan membawa ke arah kebaikan. Menurut James (1956), seseorang perlu penuhi setiap masa - sebanyak mungkin tuntutan yang dia mampu. Kepuasan dicapai dengan usaha untuk menjadikan kehidupan lebih baik dan tersusun. Oleh kerana itu juga, aliran pragmatisme yang dipelopori oleh Dewey dikenali dengan instrumentalisme dan ia juga merupakan terminologi yang lebih digemarinya. Pragmatisme percaya bahawa falsafah tidak boleh lemas dalam perbincangan metafizik dan abstrak yang tidak berfaedah. Falsafah harus berpijak kepada pengalaman-pengalaman dan menyelidik serta mengolah pengalaman tersebut secara aktif dan kritis.

Berdasarkan kepada pandangan yang skeptikal terhadap persoalan epistemologi, pragmatisme berpegang kepada pandangan pluralisme dan relativisme tentang kebenaran. James (1956), mengemukakan pandangan bahawa tiada kebenaran yang mutlak, umum, tunggal, tetap dan berdiri sendiri. Berdasarkan perspektif *evolution*, kebaikan atau kebenaran adalah sesuatu yang memberikan pengakhiran yang maksimum dan berpihak kepada pihak yang menang (James, 1956). Baginya, pengalaman sentiasa berjalan dan segala yang dianggap benar dalam pengembangan itu turut akan berubah kerana daripada segi praktiknya apa yang kita anggap benar dapat diperbaiki oleh pengalaman berikutnya. Oleh kerana itu, tiada kebenaran mutlak sebaliknya yang ada hanyalah kebenaran dalam pengalaman-pengalaman khusus yang sentiasa berubah-ubah. Kebenaran sesuatu idea memerlukan kebergunaan (*usefulness*) atau kesesuaian daripada pemikiran seseorang (Bentely, 1965). Menurut James (1899), kebenaran yang diperolehi daripada kesan praktikal bagi sesebuah pemikiran memberikan penghormatan yang demokratik kepada kesucian dan hak individu. Pengalaman-pengalaman peribadi sama ada berbentuk mistik atau agama, semuanya boleh diterima sebagai kebenaran dan menjadi dasar tindakan asalkan ia membawa akibat yang praktikal yang bermanfaat. James (1899), menyatakan:

Menurut falsafah tersebut (pluralisme dan individualisme), kebenaran adalah terlalu hebat untuk minda sesiapa, walaupun minda yang digelar mutlak, untuk mengetahui keseluruhannya. Fakta dan bernilainya kehidupan memerlukan bantuan untuk mengatur dan membawa kefahaman. Tiada sebarang pandangan yang mutlak secara umum dan universal.

Berkenaan dengan hal kebenaran ini, James berpegang kepada prinsip *truth happens to an idea* atau bermaksud kebenaran itu terjadi kepada suatu idea. Ia menunjukkan bahawa kebenaran adalah sesuatu yang relatif dan diciptakan oleh idea. Kebenaran tidak wujud

sebelum idea. Hal ini bertentangan dengan teori kebenaran tradisional yang berpegang dengan prinsip yang sebaliknya iaitu kebenaran adalah suatu hubungan yang pasti dan tetap atau statik. Ini bermaksud kebenaran sudah wujud dan teori adalah bertujuan menjelaskan atau untuk mencapai kebenaran yang telah tersedia. Dalam memahami idea kebenaran tradisi, James menimbulkan persoalan tentang erti kebenaran dalam tindakan. Baginya kebenaran merupakan nilai dari sesuatu idea. Tidak ada sebarang motif menyatakan tentang kebenaran sesuatu kecuali untuk memberikan panduan bagi tindakan yang praktikal. Idea menjadi benar berdasarkan kepada pelbagai kejadian dan pengalaman yang berhasil atau memberikan pelbagai akibat yang memuaskan. Ia memberikan berbagai hasil yang bermanfaat seperti keberhasilan (*workability*), kepuasan (*satisfaction*) dan hasil (*consequent/result*). Kata kunci tersebut merupakan sebahagian kata kunci yang utama dalam perbahasan pragmatisme mengenai kebenaran.

Menurut James (1956), agama perlu dinilai secara saintifik seperti mana sains yang berpegang kepada kebenaran hipotesis kepada sesuatu yang memberikan manfaat atau memberikan makna uiliti. Dalam menjelaskan pandangan agama yang pragmatik, James telah menilai agama sebagai sesuatu yang instrumental. Antara petikan tersohor mengenai pandangan James tentang agama ialah jika hipotesis tentang tuhan mampu memuaskan keluasan pengalaman manusia maka kepercayaan tersebut adalah benar. Dalam pemahaman yang lebih bersahaja, maksud agama yang pragmatik ialah jika kepercayaan kepada tuhan mampu menyenangkan seseorang, maka biarkan dia percaya kepada agamanya. Oleh itu, menurut James, kebanyakkan agama telah lulus ujian pragmatik kerana mampu dibuktikan dari sudut praktikalnya. Agama atau kepercayaan seperti ini adalah benar kerana menjadikan mereka yang percaya menjalani kehidupan yang baik dan bahagia. James berpegang kepada pernyataan ‘kita tidak boleh menolak sebarang hipotesis sekiranya kita memperolehi kesan-kesan yang berguna daripadanya (teori/agama) dalam kehidupan ini’. Oleh itu, baginya, mungkin lebih baik percaya terhadap bukti-bukti yang diberikan oleh pengalaman keagamaan iaitu adanya kuasa yang tertinggi dan yang berperanan untuk menyelamatkan dunia menurut garis-garis ideal yang sama dengan keperluan kita. James (1956), di dalam *The Will to Believe* telah menghuraikan tentang kepercayaan kepada agama seperti:

Akan tetapi tiada sebarang kaedah atau metode saintifik yang mana dengannya, manusia memimpin dengan selamat di antara bahaya untuk mempercayai terlalu sedikit atau dengan mempercayai terlalu banyak. Untuk menghadapi bahaya tersebut, menjadi tanggungjawab kita untuk mendapatkan jalan yang betul di antara kedua-duanya iaitu dengan menggunakan neraca hikmah atau *wisdom* sebagai manusia.

Kritikan James terhadap *transcendental absolutism* di dalam *Varieties* diteruskan lagi dalam bab terakhir *Pragmatism* yang bertajuk *Pragmatism and Religion*. Ini kerana kegagalannya untuk mengesahkan tentang tuhan serta usaha beliau untuk mempertahankan kepelbagaian agama-moral yang didasari oleh pengalaman manusia. *The Varieties of Religious Experiences* memuatkan usaha besar James untuk menilai erti agama dalam kehidupan manusia. Berpegang dengan prinsip demokratik menjadikan beliau menyanjung keunikan nilai-nilai individu. Beliau memberikan penekanan yang lebih jelas dan lebih kuat kepada kepentingan dan integriti setiap kehidupan manusia di mana keperluan manusia bekerjasama untuk menghasilkan sesuatu yang terbaik, dan keperluan untuk menetapkan sebuah lingkungan di mana kebebasan peribadi dan kesatuan sosial melengkapi satu sama lain. Pragmatisme melayani agama dengan prinsip instrumentalisme, sebagai alat untuk meraih tujuan yang lain. Dalam hal ini, James juga banyak melihat agama dari sudut psikologi. Oleh kerana itu, beliau menyanggah pandangan-pandangan tradisional terhadap agama yang melihat agama sebagai sesuatu yang objektif.

Dalam membahaskan permasalahan etika, etika yang benar adalah etika yang memberikan manfaat kepada kehidupan manusia apabila ia dipraktikkan. Falsafah etika yang dicadangkan oleh James adalah meliorisme iaitu optimisme dalam kemoralan yang berlawanan dengan pessimisme. Ia mempunyai kaitan dengan sosial dan kehidupan kolektif serta penerusan idea-idea demokratik. Etika melioristik menghasilkan kepelbagaian dalam persoalan nilai etika. Ia mempunyai pengaruh atau kesamaan dengan aliran pemahaman Darwinisme yang mana mempercayai bahawa evolusi telah menyebabkan sesetengah manusia melihat semua perkara termasuk kemoralan adalah sering berubah-ubah dan tidak tetap (Asmawati Suhid, 2009). Etika dan moral akan terus berkembang kerana situasi kehidupan, sumber dan autoriti bagi kepercayaan dan tindakan hanya terdapat dalam pengalaman. Sesuatu yang baik adalah sesuatu yang memberikan kehidupan yang lebih memuaskan; yang jahat adalah sesuatu yang condong untuk merosakkan kehidupan. Selain itu, James juga adalah seorang pendokong bagi idea kemerdekaan moral dan indeterminisme. Beliau berpendapat bahawa determinisme adalah suatu pemalsuan intelektual dari pengalaman manusia.

James (1956), membincangkan tentang persoalan baik dan jahat dengan membezakan antara dua pandangan; materialis dan moralis. Golongan moralis menyatakan bahawa kecenderungan kepada sesuatu tindakan yang baik adalah tidak semata-mata untuk dirasai

sepertimana yang diyakini oleh kumpulan materialis sebaliknya ianya hendaklah dipercayai dan dipatuhi. Sebagai contoh, menunaikan janji bukan sahaja untuk keinginan sosial seseorang, tetapi ia baik untuknya dan keseluruan alam (kosmos). Sebaliknya, golongan materialis melihat moral dalam bentuknya yang subjektif. Kemoralan subjektif ini melihat bahawa perasaan moral akan sentiasa mengalami perselisihan dengan realiti dirinya yang sebenar. Bagi pendokong materialisme, manusia mempunyai kebebasan untuk membelakangkan perasaan tersebut. Oleh itu, sesuatu yang terpuji apabila sesuatu itu boleh dilaksanakan dan melahirkan keharmonian di antara hubungan zahir dan batin. Sebaliknya kumpulan absolut moralis, apabila berlaku pertentangan antara keinginannya dengan dunia, mereka tidak bebas untuk mendapatkan keharmonian kerana terpaksa mengorbankan keinginan yang ideal (James, 1956).

James mendokong meliorisme yang bererti dunia itu tidak seluruhnya jahat dan tidak seluruhnya baik, akan tetapi ia sentiasa dapat diperbaiki. Etika baru yang bersandarkan kepada prinsip evolusi menurut James (1956), adalah sesuatu yang dipanggil baik sekiranya ia ditetapkan untuk kekal atau terus hidup. Usaha untuk memperbaiki dunia adalah penting dan berfaedah. Kecondongan kepada evolusi biologi dan sosial adalah suatu usaha ke arah pembaikan tersebut. Oleh itu, falsafah etika pragmatisme boleh difahami berdasarkan kepada prinsip utilitarianisme yang mendefinisikan kebaikan atau *ethical worth*, setiap tindakan yang berdasarkan kepada utiliti iaitu manfaat umum dan kegunaannya. Maka, etika yang baik adalah bila mana seseorang memutuskan untuk melakukan sesuatu tindakan yang tidak terlepas daripada konteks realiti bagi mengenalpasti kemanfaatannya kepada kehidupan social dan masyarakat.

4.0 PRAGMATISME: SUATU KEPERLUAN?

Kemunculan pragmatisme sebagai aliran falsafah di era moden, khususnya di barat telah membawa kemajuan yang pesat dalam bidang ilmu pengetahuan dan juga teknologi. Bersama tokohnya yang terkenal, William James, pragmatisme telah membumikan falsafah daripada corak berfikir menurut kerangka metafizik, idealistik dan abstrak kepada mempercayai perkara-perkara yang menepati realiti, pengalaman dan manfaatnya yang boleh dinikmati secara praktikal dalam kehidupan manusia. Pragmatisme telah mendorong seseorang berfikir secara bebas. Sikap skeptikal tersebut telah menyuntik semangat untuk berlumba-lumba membuktikan suatu konsep melalui penelitian dan eksperimen sehingga lahirnya penemuan

baru dalam dunia sains dan teknologi. Perkembangan ilmu pengetahuan dan penemuan-penemuan baru inilah seterusnya membolehkan masyarakat barat menikmati kemajuan di dalam bidang sosial dan ekonomi. Walaupun ternyata pragmatisme memberikan manfaat dalam kehidupan manusia moden, pragmatisme terdedah kepada beberapa kelemahan dalam menyusun fakta dan bukti yang menepati *worldview* Islam sebagai sebuah agama. Keingkaran pragmatisme terhadap perbahasan metafizik adalah bertentangan dengan epistemologi Islam. Epistemologi Islam tidak hanya bergantung kepada neraca saintifik, akan tetapi menjangkau aspek metafizik dan agama (Mohd Farid Mohd Shahran, 2013). Khalif Muammar (2012), mengkritik pengaruh pragmatisme yang menolak metafizik kerana menjadikan manusia jauh daripada tuhan:

Akibat pengaruh pragmatisme, yang merupakan kesinambungan dari modenisme dan sekularisme, kelihatan pada hari ini, umat Islam lebih mengutamakan sains tabii dan mengesampingkan falsafah (metafizik) dan pemikiran lebih mengutamakan metode daripada sistem, mengutamakan pelaksanaan (*action*) daripada perenungan (*contemplation*). Sehingga dalam mengejar ilmu pengetahuan yang dikehendaki adalah sains barat, yang sebenarnya jika diteliti dengan mendalam banyak memberikan *pseudo knowledge* berbanding ilmu yang benar. Ilmu yang benar akan menerangkan jalan bagi manusia mengenali diri dan tuhannya. Sebaliknya ilmu yang palsu akan mengelirukan hakikat sesuatu dan menjadikan manusia semakin jauh dari tuhannya.

Selain itu, pragmatisme yang telah membangunkan jiwa manusia yang saintifik juga dikritik oleh al-Attas (2001), di dalam *Risalah Untuk Kaum Muslimin* kerana sains sudah tersasar daripada peranan asalnya sebagai alat dan menjadi matlamat:

Pengaruh ilmu sains dalam pemikiran mereka itu demikian hebat mendalam sehingga ilmu sains itu dijadikannya seolah-olah sebagai suatu nilai hidup yang utama bagi membimbing mereka ke arah kesejahteraan. Mereka lupa bahawa sains itu hanyalah alat bagi kegunaan manusia; dan alat tiada dapat dijadikan nilai kehidupan.

Selain itu, perkembangan ilmu sains dan teknologi ini juga berkadar songsang dengan peranan dan perkembangan agama di barat. Apa yang kelihatan hanyalah kemajuan dalam sains dan sebaliknya dalam bidang agama seperti yang dinyatakan oleh Osman Bakar (1989):

Rata-rata yang berlaku di dunia barat ialah fenomena semakin longgarnya pegangan agama manusia dan semakin pudarnya cahaya agama serta semakin lenyapnya pengaruh nilai-nilai keagamaan dan kerohanian dalam kehidupan masyarakat. Ramai ilmuan barat berpendapat bahawa perkembangan dan kemajuan sains dan teknologi adalah salah satu punca utama merosotnya pengaruh agama dalam kehidupan manusia. Apakah kemajuan sains dan teknologi semestinya berkesudahan dengan kehilangan iman, ‘kematian’

tuhan, kelapukan agama, kemusnahan alam sekitar dan ancaman terhadap kewujudan bangsa manusia di atas muka bumi ini?

Pragmatisme tidak mengakui adanya kebenaran mutlak atau tunggal. Mereka hanya mengakui kebenaran apabila terbukti secara semulajadi melalui pengalaman, dan percaya bahawa dunia mampu diciptakan oleh manusia sendiri. Secara tidak langsung, pragmatisme sudah mengingkari sesuatu yang *transcendent*. Pragmatisme bergantung kepada kemampuan akal dalam mencapai keperluan hidup dan mengajak manusia beragama dengan ideologi-ideologi ciptaan seperti liberalisme, modernisme, humanisme dan termasuk ateisme. Sesuatu yang pragmatik seharusnya mendokong pandangan demokratik untuk menerima kepelbagaiannya kerana kebenaran tidak beku dan terus berkembang. Agama dan tuhan adalah pengalaman yang bermacam-macam yang telah dilalui oleh penganut sesebuah agama yang berbeza. Sikap terbuka pragmatisme ini telah membuka ruang kepada idea pluralisme seperti mana tulisan-tulisan James yang mempromosikan idea pluralistik dalam agama serta menolak kebenaran hanya milik satu agama dan penganutnya. Pluralisme dalam wacana keagamaan bermaksud andaian bahawa kebenaran dan realiti adalah produk sejarah dan bergantung pada diri manusia (*relational*) (Khalif Muammar, 2013). Hal ini bertentangan dengan prinsip Islam yang meyakini bahawa Islam hanya agama tunggal yang benar walaupun dalam masa yang sama tidak menafikan hak agama-agama lain dalam kehidupan sosial.

Sebenarnya pandangan bebas nilai mutlak adalah sesuatu yang menjadi kebiasaan di barat. Mereka mendakwa manusia perlu bebas dan nilai yang dipilih manusia juga perlu kekal dalam keadaan yang dinamik. Tidak mustahil dalam bentuknya yang keterlaluan, ia akan menghasilkan pemikir-pemikir barat yang ateis. Maka, frasa ‘tuhan telah mati’ dan ‘agama adalah candu’ lahir di barat era moden rentetan daripada pengalaman silam dikongkong oleh institusi agama dan gereja. Sejarah hubungan barat dengan agama yang tidak harmoni ini juga menyebabkan falsafah barat dibina bertunjungkan kepada nilai material. Mereka membuang elemen spiritual dan menghilangkan aspek agama dalam pemikiran sedangkan manusia memerlukannya terutama dalam hal-hal yang berkaitan dengan moral dan kepercayaan. Walaupun kebanyakkan pemikir dan ahli falsafah tidak menyatakan secara jelas tentang kritikan mereka terhadap agama dan tuhan, kelahiran ideologi baru seperti pragmatisme dan humanisme juga menyebabkan peranan agama tidak lagi wujud dalam kehidupan manusia serta idea pemikiran meraka.

Penilaian James terhadap agama sebagai alat juga menyalahi doktrin kepercayaan Islam yang melihat agama sebagai sesuatu yang kudus dan tuhan adalah *transcendent*. Oleh kerana pembuktian tuhan dan agama dalam bentuk yang intstrumental, maka terdapat kritikan terhadap pandangan James kerana gagal memberikan kefahaman yang sebenar tentang tuhan sebagai Pencipta alam. Ia hanya melihat kesan-kesannya ke atas makhluk dalam ruang yang terbatas. Di sinilah perbezaan antara pandangan James dengan ahli agama kerana James hanya melihat agama sebagai fenomena manusia sebaliknya tidak meminati dengan objek-objek yang dihayati oleh agama (Russell, 1993). James berpegang dengan hipotesis tentang tuhan mampu memuaskan kluasan pengalaman manusia maka kepercayaan tersebut adalah benar. Penilaian agama satu hala dalam menentukan kebenarannya melalui metode saintifik juga tidak meletakkan agama pada kedudukannya yang sebenar. Penilaian agama yang sebenar ialah secara intrinsik bukan secara instrumental seperti cara yang digunakan dalam menilai ciptaan sains dan teknologi. Penilaian agama secara instrumental berdasarkan pengalaman penganutnya membuka ruang yang luas terhadap penyalahafsiran agama seperti mana propaganda media barat yang gemar menyalahkan Islam rentetan kelahiran kumpulan-kumpulan pengganas yang bertopengkan ajaran Islam.

James adalah seorang tokoh pluralis-empiris yang berusaha untuk membebaskan pemikirannya daripada perbincangan falsafah dalam bentuk konvensional. Walaubagaimana pun, beliau masih terperangkap dalam belenggu relativisme dan subjektivisme yang telah mengelirukan ramai pemikir-pemikir barat (Russell, B. 1993). Hakikatnya, sesuatu yang ideal dan benar-benar wujud dalam realiti bukan melalui penilaian praktikal gunanya (*practical utility*) sahaja. Sesuatu kepercayaan itu adalah benar kerana sebabnya bukan semata-mata kerana kesannya. Ini kerana kemanfaatan yang diperolehi daripada kesan sesuatu tindakan hanya dinilai dalam jangka masa yang terhad sebagaimana revolusi perindustrian barat yang telah menghasilkan pelbagai produk yang boleh dimanfaatkan akhirnya membawa kemudaratuan apabila merosakkan alam.

Walaupun mempelopori idea sosial meliorisme, idea pragmatisme berada di persimpangan antara keperluan dan kemahuan peribadi. Ini kerana demi mencapai keperluan material dan kemanfaatan, manusia tidak lagi mempedulikan peranan dirinya sebagai salah seorang anggota masyarakat dan khidmat sosialnya. Menurut Abdul Rahman Haji Abdullah (2005), pragmatisme sama seperti falsafah etika utilitarianisme dan hedonisme yang mengutamakan nilai guna dan praktikal serta hanya mementingkan keuntungan material semata-mata. Ia

bekerja tanpa mengenal batas waktu sekadar memenuhi keperluan material tersebut. Maka struktur masyarakat sedemikian melahirkan kehidupan manusia yang semakin individualistik. Masyarakat pragmatisme akhirnya akan menderita disebabkan oleh humanisme. Oleh itu, keruntuhan akhlak yang berlaku hari ini juga kerana kesilapan masyarakat moden memahami dan mentafsirkan akhlak atau etika. Menurut al-Qaraḍawī (1999), materialisme dan pragmatisme yang menjadi inspirasi kepada pembinaan tamadun barat tidak akan mampu membina asas-asas akhlak kemanusiaan yang dapat memperkuatkan binaan kemasyarakatan.

5.0 ISLAM YANG PRAGMATIK

Kesulitan yang dialami oleh pemikir dan ahli falsafah barat ialah kesulitan dalam mengurus kepelbagaiannya nilai subjektif dan relatif yang lahir daipada akal dan pengalaman deria manusia. Oleh yang demikian, sesuatu nilai yang diputuskan berdasarkan kepada falsafah ini akan mengalami kesukaran untuk menghasilkan nilai sejagat kerana pandangan setiap individu atau kumpulan berdasarkan kepada ukuran yang berbeza. Bahkan, kemunculan sesuatu idea juga merupakan reaksi atau hasil tidak setuju terhadap idea-idea yang lepas. Pembentukan pragmatisme juga telah melalui fasa yang sama iaitu setelah terbitnya kesedaran di kalangan beberapa ahli falsafah baru untuk menampung kelemahan pemikiran silam yang tidak mempunyai kekuatan pada sudut praktikal. Maka, James dan pragmatisme membawakan pemikiran yang berpusat kepada justifikasi pengalaman. Walaubagaimana pun, prinsip yang digarap oleh beliau tidak bertepatan dengan *world view* Islam. Nilai-nilai yang diketengahkan oleh pragmatisme berpusat kepada manusia atau *human-centric* sedangkan dalam Islam, nilai adalah berpusat kepada wahyu dan ketuhanan atau *God-centric*. Dalam hal ini, Islam mengiktiraf kekuatan akal dan kebolehan pancaindera sebagai suatu anugerah Ilahi kepada manusia dan pada masa yang sama juga menjelaskan keterbatasan kedua-dua fakulti tersebut dalam memperolehi kebenaran mutlak. Menurut Osman Bakar (1989), ilmuan yang berjaya mengumpul maklumat yang kaya tentang makhluk tetapi gagal melihat hubungannya dengan ilmu, hikmah dan kuasa Penciptanya adalah ilmuan yang telah kehilangan sifat keadilan dan tidak dianggap sebagai ilmuan yang sejati.

Kebenaran yang relatif akan menerbitkan pemahaman nilai yang subjektif dan individualistik sedangkan pada perspektif al-Quran dan Sunnah, kebenaran tidak bersifat individualistik semata-mata, akan tetapi dijelaskan hubungannya dengan kehidupan sosial. Kehidupan

peribadi individu muslim sentiasa terikat dengan kehidupannya bermasyarakat. Kehidupan syurga yang dinyatakan oleh Quran juga dalam kehidupan berkomuniti (al-Ra‘d, 13:23, al-Hijr, 15:45-47, Yūnus, 10:10). Selain itu, kepentingan hubungan bermasyarakat, tanggungjawab sosial, *al-amr bi al-ma‘rūf wa al-nahi ‘an al-munkar* dan jihad dalam Islam diperolehi daripada asas bahawa unjuran kebaikan dalam Islam adalah bersifat sosial. Dalam tradisi pemikiran asing kepentingan dimensi sosial manusia juga turut dipersetujui oleh pemikir-pemikir sejak era kuno Yunani seperti Aristotle dan era moden di barat seperti Karl Marx (Kamal Azmi, 2014).

Di dalam Islam, kebenaran tidak terpisah daripada agama bahkan berdiri di atas landasan tersebut. Ia terbit daripada wahyu iaitu Quran dan Hadis. Kebenaran Islam didirikan melalui empat prinsip iaitu *al-ilzām* yang bermaksud sempurna dan ditentukan oleh Allah dan rasul-Nya, *al-yusrā* atupun mudah iaitu amalan yang mudah dan mampu diikuti oleh manusia, *al-thubūt wa al-‘umūm* atau tetap dan umum iaitu asas-asanya tetap dan tidak berubah dan yang keempat adalah *al-shumūl* ataupun komprehensif yang bermaksud universal dan mencakupi semua bidang kehidupan manusia. Idea-idea rasional-empirikal adalah berdasarkan kepada prinsip sebab-akibat sedangkan dalam konteks teologi Islam, prinsip tauhid memperlihatkan bahawa sebab yang mendatangkan kesimpulan, bukanlah sebab atau teori-teori itu sendiri, tetapi datang dari kehendak *Absolute* atau mutlak, dari yang memberi sebab atau kesimpulan kepada sebab-sebab dan kepada teori-teori itu sendiri (Sayyid Quṭb, 1982). Di sinilah lahirnya kepuasan jiwa dan kelazatan rohani, apabila dikembalikan segala puncak dan akhir semua kejadian itu kepada rahmat, keadilan, hikmah dan ilmuNya. Prinsip utilitarianisme dan instrumentalisme yang dipersetujui oleh James dan pragmatisme juga adalah pro kepada hedonisme. Ia tidak membina jiwa yang utuh dan rasa bertanggungjawab sebaliknya menggalakkan manusia mengejar keperluan material dan kepuasan nafsu semata-mata. Walaupun kebanyakan pemikir bersetuju bahawa kebenaran akan membawa kebaikan, akan tetapi kesan kebaikan itu tidak semestinya berhasil serta-merta secara zahir.

Islam hakikatnya mementingkan aspek pragmatik dalam urusan keduniaan. Islam juga menyatakan sesuatu yang tidak terpisah daripada landasan teori dan praktik serta individu dan kolektif. Ia adalah sesuatu yang stabil jika dibandingkan dengan pragmatisme yang dibangunkan secara rasional dan pengalaman indera. Islam tidak membicarakan sesuatu yang bersifat abstrak dan idealistik sebaliknya realistik yang mana boleh diperaktikkan oleh manusia (al-Baqarah, 2: 286). Oleh yang demikian, apa yang perlu diusahakan umat Islam

kini adalah membetulkan matlamat hidup mereka, memperkasakan budaya ilmu dan terus berusaha untuk bersaing dengan acuan sendiri seperti mana yang dinyatakan Khalif Muammar (2012):

Apa yang berlaku sebenarnya umat Islam mengejar matlamat yang salah. Umat Islam menjadi obses untuk mengejar sains dan teknologi barat dengan mengikuti kaedah-kaedah yang ditentukan oleh barat. Maka dengan demikian umat Islam hanya akan selamanya menjadi pengikut. Sepatutnya yang dilakukan adalah membina keupayaan dan kemampuan. Walaupun dari mata kasar sains dan teknologi lebih mudah diukur dan dicapai tetapi dalam membangunkan bangsa jalan yang mudah selalunya tidak bermakna. Kerana umat Islam seperti mengejar bayang-bayang, umat Islam sentiasa di belakang. Maka selagi budaya maju dan budaya ilmu tidak wujud umat Islam tidak akan berada di hadapan.

6.0 KESIMPULAN

Pragmatisme adalah sebuah aliran pemikiran yang lahir untuk menyelesaikan masalah semasa dalam konteks kehidupan masyarakat barat. Pemikiran ini telah dipopularkan oleh William James, seorang ahli falsafah Amerika melalui kuliah-kuliah dan penulisannya. Umumnya, pragmatisme masih meneruskan tradisi pemikiran humanisme, liberalisme dan rasionalisme-empirisisme walaupun terdapat usaha untuk membebaskan pemikiran falsafah baru daripada perbincangan metafizik dan falsafah yang abstrak. Oleh itu, dalam mendepankan idea-idea pragmatik, James telah membawa pemikiran yang praktikal-instrumental, mentafsirkan agama secara saintifik melalui pengalaman, menganjurkan etika melioristik serta berpegang kepada kebenaran yang bersifat pluralistik dan relatif. Pemikiran ini juga hanya melihat kepada material yang mana dalam pemahaman Islam bukan keperluan asas sebaliknya adalah pelengkap kepada keperluan. Walaupun bukan keperluan asas, ia tidak bererti kemajuan material tidak penting atau tidak perlu dalam kehidupan Islam. Islam tidak pernah manafikan keperluan pembangunan material, pertumbuhan ekonomi, kemajuan sains dan teknologi, tetapi jika manusia hanya melihat aspek tersebut sahaja dan manafikan aspek lain yang lebih fundamental maka yang akan terhasil bukanlah sebuah kemajuan dan pembangunan sebenar tetapi adalah kehancuran dan kemunduran. Islam menolak pemikiran humanisme-egoisme, pentafsiran agama secara bebas dan relativisme nilai yang dibawa oleh James dan pragmatisme. Oleh itu, manusia moden terutama umat Islam memerlukan panduan spiritual melalui pemahaman Islam secara terang dan menyeluruh. Ini kerana Islam tidak seperti pemikiran-pemikiran yang lahir di barat yang seringkali menampakkan unsur-unsur pertentangan. Pemahaman Islam juga tidak perlu kepada evolusi dan penentangan terhadap

tradisi kerana Islam bukan falsafah. Islam tidak dicipta oleh manusia dan tidak memerlukan manusia, sebaliknya ia adalah petunjuk Ilahi yang menjadi keperluan kepada manusia dan alam sejagat. Oleh kerana Islam adalah al-Dīn, ia sudah tentunya juga memenuhi tuntutan teori dan praktikal bagi manusia.

RUJUKAN

- A Dictionary of Philosophical Terms and Names. 2011. <http://www.philosophypages.com/dy/> 23 Mac 2016.
- Asmawati Suhid. 2009. *Pendidikan Akhlak dan Adab Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 2001. *Risalah untuk Kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Beg, M. A. J. 1983. *Two Lecture on Islamic Civilization*. Kuala Lumpur: University Malaya Press.
- Bertens, K. 2003. *Etika dan Moral*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Bentley, John E. 1965. *An Outline of American Philosophy*. New Jersey: Littlefield, Adam & Co.
- Gale, Richard M. 1999. William James and the Willfulness of Belief. *Philosophy and Phenomenological Research*, vol. LIX, no. 1.
- Hani'ah. 2001. *Agama Pragmatis: Telaah Atas Konsepsi Agama John Dewey*. Magelang: Indonesatera.
- James, William. 1978. *Essays in Philosophy*. USA: Harvard University Press. 1956. *The Will to Believe and Other Essays in Popular Philosophy*. New York: Dover Publication. 1990. *Varieties of Religious Experience*. New York: Paperback Classics. 1899. *Talk to Teachers on Psychology and to Students on Some of Life's Ideals*. New York: Henry Holt and Company.
- Kamal Azmi Abd. Rahman. *Manusia dalam Wacana Modern di Barat*. Kertas kerja yang dibentangkan di 1st International Management and Innovation Conference, anjuran Research Development Centre dan Akademi Islam KUIS, 17-18 November, Kuala Lumpur.
- Khalif Muammar. 2012. Pandangan Islam Terhadap Tradisi dan Kemodenan. *Jurnal Hadhari*, 4(1), 23-48. 2013. *Islam dan Pluralisme Agama*. Kuala Lumpur: CASIS & Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.
- Luthfi Assyaukani. 2011. Empat Agenda Islam yang Membebaskan. Yayasan Abad Demokrasi. <http://124.40.255.206/inspirasi/books/1374554352.pdf> 7 Jan 2016.
- Mohd Farid Mohd Shahran. 2013. *Aqidah dan Pemikiran Islam: Isu dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia Berhad (PNMB).
- Osman Bakar. 1989. *Islam dan Pemikiran Sains Masa Kini*. Petaling Jaya: Akademi Sains Islam Malaysia (ASASI).

al-Qarađāwī, Yūsuf ‘Abdullah. 1999. (terj.) *Tamadun Islam Alternatif Masa Depan*. Selangor: Maktabah al-Qardhawi.

Russell, Bertrand. 1947. *A History of Western Philosophy*. George Allen And Unwin Ltd.

Russell, Bertrand. 1993. (terj.) *Sejarah Falsafah Barat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sayyid Qub. (terj.) Jamaluddin Kaffie. 1982. *Hari Esok Untuk Islam*. Pustaka Nasional PTE LTD: Singapura.

Slater, Micheal R. 2007. Ethical Naturalism and Religious Belief in “The Moral Philosopher and Moral Life” <http://williamjamesstudies.org/2.1/slater.html> 14/9/2011

Throntveit, Trygve. 2011. William James’s Ethical Republic. *Journal of the History of Ideas*. 72:2. 255-278.

Uffelman, Mark. 2011. Forging the Self in the Stream of Experience: Classical Current of Sel-Cultivation in James and Dewey. *Transaction of the Charles S. Peirce Society*. 47:3. 319-339

Wesly Cooper. 2003. William James’s Moral Theory. *Journal of Moral Education*. 32:4. 411-422.